Laporan Kebolehpekerjaan Graduan (2025)

Pada tahun 2025, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) telah melahirkan seramai 396 graduan daripada 11 program, iaitu 1 program doktor falsafah, 2 program sarjana, 7 program ijazah sarjana muda dan 1 program diploma seperti yang disenaraikan di bawah:

1. Ijazah Doktor Falsafah (PhD)
2. Ijazah Sarjana (MSc)
3. Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Tenaga Lestari) (KEE & KEO)
4. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) (BEL)
5. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa) (BEP)
6. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Tenaga) (BTE)
7. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Sistem Komputer) (BTS)
8. Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa & Mesin) (BTW)
9. Ijazah Sarjana Muda Teknologi dalam Penyelenggaraan Sistem Elektrik (BVE)
10. Ijazah Sarjana Muda Teknologi dalam Automasi Elektronik Industri (BVI)
11. Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (DRE)


Daripada 396 graduan ini, seramai 387 orang graduan warganegara telah memberi maklum balas kepada tinjauan ***Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)*** yang ditadbir oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi tahun 2025, dengan **kadar maklum balas sebanyak 97.7%**. Berdasarkan dapatan tinjauan SKPG 2025, FTKEE mencapai **Kebolehpekerjaan Graduan (GE) sebanyak 95.4%** dan **Kebolehpasaran Graduan (GM) sebanyak 96.9%**, masing-masing. Peratusan GE dan GM mengikut program dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Peratusan GE dan GM mengikut program.


	PhD	**MSc**	**KEE/KEO**	**BEL**	**BEP**	**BTE**	**BTS**	**BTW**	**BVE**	**BVI**	**DRE**
Bil. peserta	8	3	6	62	17	49	40	14	25	18	18
%GE	100.0	66.7	100.0	98.4	100.0	95.9	87.5	100.0	100.0	94.4	88.9
%GM	100.0	66.7	100.0	98.7	100.0	96.4	89.6	100.0	100.0	95.0	98.2

*GE = kebolehpekerjaan graduan, GM = kebolehpasaran graduan

Peratusan GE mengambil kira peserta yang bekerja dan tidak bekerja. Bagi GM pula, ia mengambil kira peserta yang bekerja, melanjutkan pengajian, mengikuti kursus kemahiran/latihan, dan menunggu penempatan. Perbandingan kadar GE dan GM serta bilangan peserta mengikut program dipaparkan dalam **Rajah 1** dan **Rajah 2** di bawah:



Rajah 1: Perbandingan kadar GE dan GM mengikut program bagi FTKEE, SKPG 2025.



Rajah 2: Bilangan peserta SKPG 2025 mengikut program bagi FTKEE.

Disediakan oleh:
Mohd Amir Shahlan bin Mohd Aspar, PhD
Penyelaras GE
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), UMPSA